

# Berita Manmin

NO. 32 24 MAC 2024 (Peringatan Khas Pastor Jaerock Lee)



## Aku menunggu hari Tuhan akan tertawa

Bapa,  
anak-Mu ini lambat untuk berkata-kata,  
juga tidak mempunyai kemahiran sosial yang baik.

Namun Engkau telah mengubahku,  
dan menjadikan aku seorang hamba  
yang menzahirkan kuasa Tuhan.  
Apakah alasan  
untuk aku tidak melayani jiwa-jiwa?

Sebelum aku bertemu Bapa,  
aku selalu menderita  
akibat kesusahan, kemiskinan, dan penyakit.  
Aku tidak mempunyai apa-apa yang dapat  
aku banggakan.

Namun Engkau menjadikan aku  
hamba Tuhan yang berharga.  
Engkau mengizinkan aku berdoa  
dan berpuasa mengikut hati-Mu  
dan mengambil bahagian  
dalam pekerjaan-Mu yang kudus.

Engkau menganggap aku sangat  
berharga dan menjadikan aku  
seorang pastor yang berkuasa.  
Bagaimanakah mungkin banyak  
jiwa Manmin  
tidak menjadi anak-Mu yang sejati?

Seperti yang anak-Mu ini lakukan,  
mereka berdoa dan berpuasa,  
serta berjuang untuk mempraktikkan kebenaran  
secara berterusan.  
Oleh itu, tiada yang mustahil bagi mereka.

Aku menantikan buah yang banyak,  
buah yang terhasil daripada kasih-Mu,  
dan hari Engkau akan tertawa.





Sorotan Khas: Pelayanan

## Kehidupan Pastor Jaerock Lee ditonjolkan dengan perbuatan iman dan selalu hidup akrab dengan Tuhan

Pada 17 April 1974, beliau secara ajaib bertemu Tuhan ketika di ambang kematian

Pastor Jaerock Lee berada di ambang kematian selama 7 tahun akibat pelbagai penyakit. Pada 17 April 1974, beliau dibimbing oleh kakak keduanya ke perjumpaan kesembuhan ilahi. Apabila beliau berlutut, beliau sembuh sepenuhnya daripada semua penyakit lalu beliau menerima Tuhan Yesus.

Beliau mula membaca Alkitab dengan tekun dan cuba untuk hidup menurut kehendak Tuhan. Beliau sangat dahaga akan firman Tuhan sehingga beliau menghadiri banyak perjumpaan kebangkitan rohani dan mentaati apa-apa sahaja kehendak Tuhan yang difahami oleh beliau. Beliau berpuasa sekerap yang mungkin, berseru dalam doa, dan menyingsirkan semua dosa sehingga tahap menumpahkan darah untuk kekal dalam kebenaran dengan sepenuhnya.

Akhirnya, beliau terpanggil sebagai hamba Tuhan dan memasuki seminari. Beliau mengabdikan diri beliau kepada Firman Tuhan dan doa serta bersedia untuk membuka sebuah gereja, dengan impian untuk menjadi saksi Tuhan yang akan menyebarkan injil ke hujung bumi dan memimpin tidak terkira banyaknya jiwa ke jalan keselamatan menurut visi yang diberikan oleh Tuhan dan menurut Perintah Agung Yesus Kristus.

Pada 25 Julai 1982, beliau membuka gerejadan ia berkembang menjadi 10,000 anggota dalam masa 9 tahun

Pada 25 Julai 1982, ibadat pembukaan gereja dipersembahkan kepada Tuhan di sebuah bangunan seluas 66 meter persegi dan dihadiri oleh 13 orang



Kristian termasuk kanak-kanak.

Beliau benar-benar percaya pada mukjizat dan perkara yang luar biasa yang dicatatkan dalam Alkitab kerana beliau bertemu dengan Tuhan Yang Maha Hidup ketika di ambang kematian. Beliau berseru dalam doa pada setiap hari untuk mengumumkan Tuhan Pencipta dan Yesus Kristus Penyelamat kita, dengan kuasa yang besar dan untuk memimpin sebanyak mungkin jiwa kepada keselamatan. Hasilnya, kurnia penyembuhan dan kuasa Tuhan diberikan kepada beliau; banyak orang dari seluruh negara telah sembuh daripada pelbagai penyakit dan mukjizat dan perkara yang luar biasa dimanifestasikan dalam acara-acara gereja.

Pada 10 Oktober tahun tersebut, kira-kira 100 orang berkumpul dan mempersembahkan ibadat penubuhan gereja. Dengan mencontohi gereja-gereja awal, mereka berkumpul pada setiap hari, dan berkongsi firman kebenaran serta berdoa dengan sungguh-sungguh agar gereja menghasilkan kebangkitan rohani yang besar. Anggota gereja yang berdaftar berjumlah 3,000 orang pada bulan Januari 1987 dan 10,000 orang pada bulan Mac 1991.

Sejak pembukaan gereja Manmin, beliau aktif dalam pelayanan buku

dan pelayanan penyiaran. Memoir testimonial beliau yang bertajuk Mencicipi Kehidupan sebelum Kematian diterbitkan pada bulan April 1987, manakala surat berita gereja Berita Manmin Joong-ang (kini dinamakan Berita Manmin) dicetak pada bulan Mei tahun yang sama. Kesaksian hidup beliau didramakan dan disiarkan oleh Sistem Penyiaran Kristian dan beliau muncul dalam program televisyen bertajuk 'Baruui Kami' pada bulan Ogos 1987. Beliau dijemput sebagai pengkhutbah dalam banyak perjumpaan kebangkitan rohani dan khutbah beliau disiarkan menerusi banyak stesen radio di dalam dan di luar negara. Oleh itu, banyak pastor berkumpul untuk mendengar perkongsian tentang kebangkitan gereja.



Pada bulan 1991, beliau membentuk denominasi yang baru dan secara aktif melaksanakan pelayanan di dalam dan di luar negara

Pada bulan Julai 1991, beliau mengasaskan Gereja Kekudusan



Bersatu Yesus Kristus dengan bimbingan Tuhan lalu memimpin penginjilan kebangsaan dan misi dunia. Beliau dilantik sebagai Pengerusi Tetap Persatuan Misi Kebangkitan Dunia Kristian, Pengerusi Praktikal Perhimpunan Kristian Jubli Penyatuan Negara Ulang Tahun ke-50 Pembebasan, dan presiden banyak organisasi Kristian serta memainkan peranan penting dalam acara Kristian di seluruh negara.

Pada tahun 1993, Gereja Pusat Manmin terpilih sebagai salah satu daripada 50 Gereja Teratas Dunia oleh majalah Amerika Christian World, dan pada tahun 1996 beliau menerima Ijazah Kehormat Doktor Falsafah Diviniti dan Doktor Falsafah dalam Pelayanan.

Pada bulan Mei 1993, Perjumpaan Kebangkitan Khas Dua Minggu Berturut-turut telah diadakan lalu banyak orang telah sembah dan mengalami kerja Roh Kudus yang berapi-api. Gereja ini meletakkan asas dalam misi dunia dengan mengadakan perhimpunan Kristian di Washington, Los Angeles, dan Hawaii di Amerika Syarikat, Tanzania, Jepun, dan Argentina. Selain itu, iman orang Kristian telah bertumbuh pesat dan anggota yang berdaftar melebihi 30,000 orang pada tahun 1994.

**Pada tahun 2000-an, beliau telah dicatatkan sebagai revivalis sedunia, dan menyebarkan injil kekudusan menerusi televisyen, buku, surat berita dan lain-lain.**

Pada bulan Mac 2000, satu mukjizat alkitabiah berlaku melalui doa beliau iaitu air masin di pantai Muan menjadi air tawar. Dengan cara yang menakjubkan, kerja-kerja kesembuhan berlaku kepada orang yang menggunakan air itu dengan iman. Pekerjaan Tuhan yang berkuasa juga berlaku menerusi doa beliau yang dirakamkan dalam ARS (Sistem Tindak Balas Automatik) atau sapu tangan yang telah didoakan beliau (Kisah Rasul-rasul 19:11-12) atau apabila orang menerima doa beliau secara dalam talian atau apabila beliau berdoa melangkaui masa dan ruang dengan meletakkan tangan beliau pada foto-foto mereka.


Sejak tahun 2000, beliau mengadakan perhimpunan Kristian bersaiz mega di pelbagai negara. Pada bulan Julai 2000, ‘Perhimpunan Kristian Injil Kudus Uganda’ dilaporkan oleh CNN, saluran berita televisyen global. Menerusi ‘Perhimpunan Kristian Mukjizat Kesembuhan Pakistan’ yang dipimpin beliau pada bulan Oktober, injil kekudusan telah diumumkan di Republik Islam Pakistan dan pintu untuk misi Timur Tengah terbuka.

Pada bulan Jun 2001, ‘Perhimpunan

Kristian Injil Kudus Kenya’ disiarkan menerusi televisyen yang dikendalikan oleh kerajaan lalu banyak penyakit termasuk AIDS disembuhkan. Pada bulan September, beliau mengetuai “Perhimpunan Kristian Percikan Kebangkitan Rohani Filipina” di Filipina yang mana lebih 90% rakyatnya ialah Katolik. Pada 2002, ‘Perhimpunan Kristian Mukjizat Kesembuhan Honduras’ membawa ‘Taufan Yesus’ ke Honduras dan Amerika Latin dengan kerja-kerja Roh Kudus, manakala ‘Festival Doa Mukjizat Kesembuhan India’ membawa kira-kira sejumlah 3 juta orang ke Pantai Marina dan banyak orang sembah dan menerima Tuhan Yesus.

Pada tahun 2003, ‘Festival Mukjizat Kesembuhan Rusia’ disiarkan secara langsung ke lebih 150 negara di seluruh dunia menerusi satelit. Pada tahun 2004, ‘Festival Kebudayaan Kristian Jerman’ membuka jalan untuk penyebaran injil kekudusan di Eropah, manakala ‘Perhimpunan Kristian Kesembuhan Peru’ diadakan dengan jayanya dengan sokongan aktif pemimpin politik, pemimpin akhbar, dan pemimpin agama termasuk presiden negara itu.

Pada tahun 2006, beliau mengetuai ‘Festival Mukjizat Kesembuhan Republik Demokratik Congo’ di bawah sokongan aktif kerajaan dan dihadiri oleh lebih daripada 700,000





orang serta dipenuhi dengan mukjizat alkitabiah yang tidak terkira banyaknya. Beliau mengendalikan ‘Perhimpunan Kristian New York’ di Madison Square Garden di New York, Amerika Syarikat yang disiarkan secara langsung ke lebih 200 negara menerusi Daystar, TBN Russia, Cosmo Vision, dan GCN TV. Menerusi acara ini, banyak kerja kuasa berlaku melalui doa beliau; orang buta dapat melihat, orang pekak dapat mendengar, dan orang yang lumpuh dapat berjalan.

Pada bulan Julai 2007, beliau memulakan pelayanan Israel di Galilea dan menyebarkan injil kekudusan ke seluruh negara Israel termasuk Eilat di wilayah paling selatan. Pada bulan September 2009, ‘Festival Pelbagai Budaya Antarabangsa’ diadakan di ICC (Pusat Konvensyen Antarabangsa) di Yerusalem dan beliau mengumumkan bahawa Yesus Kristus ialah Mesias dan Penyelamat kita.



Banyak orang sembuh dan memberikan kemuliaan kepada Tuhan. Acara ini disiarkan dalam akhbar terkenal dunia termasuk AFP dan Reuters serta disiarkan secara langsung ke kira-kira 220 negara menerusi 33 stesen televisyen termasuk Daystar, En Lace, dan TBN Russia.

Pada bulan Oktober 2010, beliau mengetuai ‘Festival Kebudayaan Korea di Estonia’ di Tallinn dan acara ini melibatkan jumlah orang yang terbanyak dalam sejarah Kristian Estonia. Banyak



orang sembuh dan menerima Tuhan Yesus.

Pada bulan Januari 2000, Manmin TV dilancarkan dan pelayanan televisyen beliau menjadi aktif. Pada bulan Mei 2004, GCN (Rangkaian Kristian Global) ditubuhkan dan beliau dilantik sebagai Pengurus GCN. Selepas itu, GCN Amerika Syarikat dilancarkan dan mula menyiar kan khutbah beliau menerusi saluran 17 New York.

Pada tahun 2004, WCDN (Rangkaian Doktor Kristian Sedunia) ditubuhkan dan memimpin persidangan perubatan Kristian antarabangsa di banyak bandar yang terkenal di dunia. MIS (Seminari Antarabangsa Manmin) memimpin seminar pastor di banyak negara. Kedua-dua organisasi ini meletakkan asas yang lebih kukuh dalam misi dunia.

Selain kerja-kerja penyembuhan yang luar biasa, pelayanan Pastor Jaerock Lee disertai dengan mukjizat dan perkara yang luar biasa: cuaca terbaik semasa retret musim panas, kemunculan pelangi yang luar biasa, kawanan pepatung, pembasmian penyakit baru termasuklah penyakit kaki dan mulut, selesema babi, dan Ebola, melemahkan dan mematikan taufan, serta hujan selepas kemarau yang berpanjangan. Beliau menunjukkan begitu banyak mukjizat dan kerja-kerja yang berkuasa sehingga beliau dapat membuktikan bahawa Alkitab adalah benar selain mengesahkan Tuhan Yang Maha Hidup dan Yesus Kristus ialah satu-satunya Penyelamat.

Pada awal kehidupan iman beliau, beliau berpaut kepada Tuhan dengan

banyak puasa dan doa yang sungguh-sungguh untuk mengetahui kehendak Tuhan sebelum membuka gereja. Tuhan menjawab doa beliau dan menerangkan kepada beliau tentang banyak kebenaran rohani yang terkandung dalam Alkitab supaya beliau dapat menyebarkan injil kekudusan yang sangat berharga seperti harta di syurga kepada jiwa-jiwa yang tidak terkira banyaknya di seluruh dunia.

Urim Books ([www.urimbooks.com](http://www.urimbooks.com)) telah menerbitkan 112 buku beliau dan 45 daripadanya telah diterjemahkan ke dalam 75 bahasa. Banyak buku terjemahan telah dicetak menjadi 766 buku dalam 63 bahasa dan diterbitkan ke dalam 899 buku dalam bentuk elektronik dalam 66 bahasa. Urim Books juga menghasilkan sejumlah 31 buku audio.

Pastor Jaerock Lee telah mendedikasikan seluruh hidup beliau untuk memberitakan injil ke setiap pelosok bumi dengan hasrat yang sungguh-sungguh untuk memimpin semua orang di semua negara kepada keselamatan dan untuk membentuk anak-anak Tuhan yang sejati yang layak untuk masuk ke Kota Yerusalem Baru di syurga. Sekarang, beliau telah kembali kepada Tuhan dan berada dalam pelukan-Nya. Namun begitu, iman dan ajaran beliau terpahat dalam hati kita. Kita berharap dapat melihat beliau di Kota Yerusalem Baru di syurga, di hadapan Tuhan Bapa dan Tuhan Yesus Kristus.



## UCAPAN PERINGATAN

# Ucapan peringatan dikirim dari 40 negara! Semoga semua orang terus maju ke arah matlamat dengan injil kekudusan!



**“Hidup beliau adalah yang terbaik di hadapan Tuhan dan teladan yang berharga bagi kita”**

Pastor Sergey Bocharnikov  
(Gereja Spirit of Life, Nasaret, Israel)

Apabila kali pertama saya datang ke Gereja Pusat Manmin pada tahun 2005, saya menerima layanan yang sangat baik daripada anggota gereja. Mereka melayani saya dengan sangat baik dalam segala hal. Setiap kali Pastor Jaerock Lee nampak saya, beliau menyambut saya dengan mesra. Beliau benar-benar baik hati dan rendah hati, jadi saya ingin mencontohi beliau. Beliau menunjukkan kepada kita apa yang terbaik di hadapan Tuhan. Kehidupan beliau merupakan contoh yang baik bagi kita dan saya percaya itu merupakan matlamat yang paling penting dalam kehidupan kita.

**“Israel diberkati oleh kasih dan pengabdian beliau”**

Pastor Shlomy Abramov  
(Gereja Awake Israel, Yerusalem, Israel)

Pastor Jaerock Lee sangat mengasihi Israel. Beliau kerap melawat Israel selama tiga tahun dari tahun 2007 dan melaksanakan pelayanan beliau di Israel dengan kasih dan pengabdian. Beliau memimpin gereja Kristian Israel dan banyak orang Yahudi ke jalan berkat, serta banyak antara kami menerima kasih dan berkat Tuhan yang besar. Kasih setia beliau kepada Israel memberi kami kekuatan yang besar dan kami dapat terus maju. Kami menghargai kasih dan dedikasi beliau.

Malay

## Berita Manmin

Diterbitkan oleh Gereja Pusat Manmin

73, Yeoidaejang-Ro 22-Gil, Dongjak-Gu, Seoul, Korea Selatan  
(Poskod: 07056)  
<http://www.manminnews.com/2012/nation/ebooks.asp?nation=mal>  
[www.manminnews.com](http://www.manminnews.com), E-mel: [manminhq@manmin.kr](mailto:manminhq@manmin.kr)  
Diterjemahkan oleh Biro Misi Luar Negara

## Pengakuan Iman

1. Gereja Pusat Manmin percaya bahawa Alkitab ialah Firman Tuhan yang sempurna dan tidak bercacat cela.
2. Gereja Pusat Manmin percaya kepada kesatuan dan karya Tuhan Triniti: Tuhan Bapa, Tuhan Anak dan Tuhan Roh Kudus.
3. Gereja Pusat Manmin percaya bahawa kita diampunkan daripada dosa kita hanya melalui darah penebusan Yesus Kristus.
4. Gereja Pusat Manmin percaya kepada kebangkitan dan pengangkatan Yesus Kristus, Kedatangan-Nya yang Kedua, Kerajaan Seribu Tahun, dan Syurga yang abadi.
5. Anggota Manmin mengaku iman mereka melalui “Pengakuan Iman Rasul” pada setiap kali mereka berkumpul dan percaya kepada kandungannya kata demi kata.



Telefon: 82-2-824-7107  
[www.gcntv.org](http://www.gcntv.org)  
[webmaster@gcntv.org](mailto:webmaster@gcntv.org)



Telefon: 82-2-818-7032  
[www.manminseminary.org](http://www.manminseminary.org)  
[manminseminaryhq@gmail.com](mailto:manminseminaryhq@gmail.com)



[www.wcdn.org](http://www.wcdn.org)  
[wcdnkorea@gmail.com](mailto:wcdnkorea@gmail.com)



Telefon: 82-2-818-7241  
[www.urimbooks.com](http://www.urimbooks.com)  
[urimbook@hotmail.com](mailto:urimbook@hotmail.com)



Pada hari Ahad, 14 Januari 2024, Pastor Jongman Lee (Pengerusi Persatuan Misi Kebangkitan Dunia Kristian) menyampaikan khutbah dalam ibadat peringatan untuk Pastor Jaerock Lee. Beliau berkata dalam khutbahnya, "Pastor Jaerock Lee tulus dan rendah hati. Beliau penuh dengan kebaikan dan kasih. Beliau ialah hamba Tuhan yang sangat berharga, dan melalui doa beliau, banyak jiwa mendapat kesembuhan dan menerima Tuhan Yesus. Saya berharap Gereja Pusat Manmin akan berterusan dan dengan berani mencapai visi yang diberikan oleh Tuhan."



### **"Manmin dibina di atas dasar kebenaran"**

Misionari Jane Mphologoma  
(Gereja Manmin London, UK)

Sebelum saya datang ke Gereja Manmin, saya sakit selama bertahun-tahun lamanya dan kehilangan semua harapan. Oleh sebab tiada penyelesaian secara perubatan, perut saya tidak dapat mencernakan makanan. Apabila saya bertemu Pastor Jaerock Lee, beliau mendoakan saya lalu saya tergerak hati untuk memberikan kesaksian tentang perut saya. Saya berasa sangat lapar dan dengan suara yang perlahan saya berkata kepada seseorang yang berhampiran dengan saya, "Saya sangat lapar. Saya mahu makan." Suami saya berkata, "Tolong jangan buat begitu. Kamu tidak boleh makan." Kami beralih kepada makan malam lalu makan makanan Korea untuk kali pertama. Saya makan tiga pinggan makanan tetapi tiada apa-apa yang berlaku terhadap saya.

Pada kali pertama saya bertemu dengan mendiang Pastor Jaerock Lee, perwatakan beliau sangat menyentuh hati saya. Apabila kami mula-mula datang ke gereja ini, saya nampak suatu pelayanan yang sangat besar. Saya tidak pernah menyangka akan menemui hamba Tuhan yang begitu rendah hati. Cara beliau menyambut kami sangat menyentuh hati saya. Saya mempunyai banyak soalan, jadi saya bercakap dengan sangat cepat. Namun begitu, beliau menjawab soalan saya dengan rasa hormat dan rendah hati.

Saya hanya ingin memberitahu anda bahawa Gereja Manmin dibina di atas dasar kebenaran. Pastor Kanan Dr. Jaerock Lee telah meninggalkan banyak buku yang diterjemahkan ke dalam bahasa-bahasa lain dan ada begitu banyak khutbah rakaman. Melalui Perjumpaan Doa Daniel, kita mendapat kelepasan.

Tuhan melakukan begitu banyak mukjizat kerana Gereja Manmin dibina di atas dasar kebenaran Firman Tuhan. Kita perlu keluar ke dunia dan memberitakan injil kebenaran dan injil kekudusan Manmin tanpa rasa malu sedikit pun. Kita mengatakan kebenaran dan kebenaran itu akan membebaskan kita.



Memorial Service for Late Senior Pastor Dr. Jaerock Lee



### **"Mari kita teruskan dengan injil kekudusan, harta rohani kita"**

Pastor Alexandru Tabaranu  
(Gereja Manmin Moldova, Moldova)

Saya ingin menegaskan bahawa saya tidak mungkin dapat berada di sini tanpa Pastor Jaerock Lee. Tiada harapan dalam diri saya tetapi apabila saya mula mendengar khutbah beliau, hidup saya akhirnya dapat berubah. Oleh itu, saya membaca skrip khutbah beliau, merenungkannya, dan menyematkannya ke dalam hati saya. Saya cuba sedaya upaya untuk bertindak menurutnya.

Kehidupan Rasul Paulus dipaparkan dengan pengorbanan, dan dia menulis banyak buku dalam Perjanjian Baru. Selepas kematiannya, para pengikutnya berterusan membaca, bermeditasi, dan memahatkannya ke dalam hati mereka dengan menganggap kata-kata itu firman Tuhan. Dengan cara yang sama, Pastor Jaerock Lee meninggalkan injil kekudusan. Kita harus berpegang teguh pada ajaran beliau untuk mencapai kerajaan Tuhan dan kebenaran-Nya serta melakukan yang terbaik untuk hidup menurut ajaran beliau.

Siapakah yang berani untuk berkata bahawa mereka harus menyingkirkan sifat berdosa yang tersembunyi dalam hati? Hanya injil kekudusan memberikan petunjuk kepada kita untuk menyingkirkan dosa dan dikuduskan untuk menyenangkan hati Tuhan. Kita semua yang telah menyedari nilai sejati injil kekudusan harus diubah oleh ajaran kekudusan, tampil sebagai anak-anak Tuhan yang menyenangkan hati-Nya, dan melaksanakan tugas yang diberikan oleh Tuhan kepada kita pada akhir zaman.